


Jumaat, 6 Disember 2019 | 4:07pm



KAPAL tangki kecil yang disyaki menyeleweng diesel ditahan PPM Wilayah 5 di Sibu. NSTP/Ihsan PPM

## PPM rampas 10,000 liter diesel seleweng

Oleh Mohd Roji Kawi  
mdroji@bh.com.my

SIBU :Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 5 menumpaskan kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi susulan penahanan sebuah kapal di Pelabuhan Sibu, di Sungai Igan, di sini, kelmarin.

Kapal tidak mempunyai nama dan nombor pendaftaran itu ditahan selepas pemerhatian mendapati ia dalam keadaan mencurigakan manakala pemeriksaan mendapati kapal yang dikendalikan dua lelaki itu membawa muatan diesel.

Komander PPM Wilayah 5, Asisten Komisioner Shamsol Kassim, berkata pemeriksaan lanjut mendapati kapal itu membawa 10,000 diesel tanpa permit atau kebenaran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).



#### **MINYAK diesel yang cuba diseleweng dirampas PPM Wilayah 5 di Sibu. NSTP/Ihsan PPM**

Sehubungan itu, katanya, dua lelaki tempatan berusia 23 dan 49 tahun ditahan bagi membantu siasatan.

"Diesel yang ditemui disimpan dalam tangki di geladak kapal itu kemudian dirampas dan diserahkan kepada pegawai penyiasat KPDNHEP.

"Siasatan lanjut akan dijalankan mengikut Seksyen 20, Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam kenyataan, hari ini.